

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mentarifkan wabak COVID-19 ini sebagai penyakit di bawah khidmat pekerjaan dan Kementerian menerusi PERKESO akan menanggung segala kos rawatan serta perubatan penyakit ini serta hilang punca pendapatan pekerjaan akibat penyakit ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, penyakit COVID-19, iaitu jangkitan Coronavirus memang telah termasuk sebagai penyakit khidmat di bawah Jadual ke 5 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Oleh itu, mana-mana pencarum PERKESO yang mendapat jangkitan COVID-19 melalui pendedahan di tempat kerja adalah layak menuntut faedah-faedah di bawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO. Selain itu, mana-mana pencarum yang mengalami keilatan atau kematian disebabkan COVID-19 adalah turut layak di bawah Skim Keilatan PERKESO. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 14 kematian melibatkan COVID-19 telah diproses di bawah Skim Keilatan manakala satu (1) kes di bawah Skim Bencana Kerja.

Sekian, terima kasih.